

TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATUK AMAR JAUL SAMION,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SARAWAK
SEMPENA MAJLIS PERSARAAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN
SARAWAK
PADA 4 APRIL 2021 (AHAD)
JAM 7.30 MALAM

UCAPAN ALU-ALUAN & PENGHARGAAN

(Terima kasih Pengerusi Majlis)

**1.1 Salam Sejahtera dan Salam Ibu Pertiwi Ku
(Salutasi)**

- i. Yang diraikan, **Yang Berbahagia Datuk Mohd Shahabuddin bin Omar**, Setiausaha Persekutuan Sarawak dan isteri – **Yang Berbahagia Datin Hajah Siti Khalijah binti Haji Idris**
- ii. Timbalan-timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri
 - YBhg. Dato Sri Haji Abu Bakar bin Marzuki
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri
(Transformasi Sosio-Ekonomi)
 - YBhg. Datu Dr. Sabariah binti Putit
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri
(Transformasi Prestasi dan Penyampaian Perkhidmatan)
 - YBhg. Datu Ik Pahon Joyik
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri
(Transformasi Luar Bandar)
- iii. Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, dan
- iv. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

- Sebelum meneruskan majlis malam ini, izinkan saya menyampaikan salam maaf daripada YAB Ketua Menteri, YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg kerana tidak dapat menghadirkan diri pada malam ini di atas komitmen yang tidak dapat dielakkan. YAB Ketua Menteri juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YBhg. Datuk Shahabuddin bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak di atas sumbangan bakti beliau di Bumi Kenyalang ini.

2.0 Majlis Persaraan – Majlis Sanjungan Budi

- 2.1 Hari ini, saya memanjatkan sepenuh kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan keberkatannya kita semua dapat berhimpun bersama-sama dalam majlis yang cukup besar maknanya.
- 2.2 Tujuan majlis yang diadakan ini adalah sebagai **satu tanda penghargaan dan pengiktirafan serta nukilan terima kasih** dari Kerajaan Negeri Sarawak kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak, Datuk Shahabuddin Bin Omar kerana banyak menabur bakti kepada negara Malaysia khususnya negeri Sarawak dalam bidang pengurusan kualiti penyampaian perkhidmatan dan juga dalam pembangunan prasarana di Sarawak.

3.0 Kerjaya dan Sumbangan Setiausaha Persekutuan Sarawak, YBhg Datuk Mohd Shahabuddin bin Omar

- 3.1 Datuk Shahabuddin telah diamanahkan untuk menjadi penjawat awam Malaysia selama **35 tahun**. Pastinya dalam tempoh masa tersebut, sebagai penjawat awam beliau telah menempuh pelbagai peristiwa pahit-manis, suka-duka dan cabaran getir.
- 3.2 Beliau memulakan kerjaya sebagai penjawat awam sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah pada tahun 1986 di mana beliau kemudiannya

ditempatkan di pelbagai agensi awam di Semenanjung Malaysia. Pada 1 Julai 2007, beliau telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab yang besar sebagai **Pengarah MAMPU Sarawak** sehingga 21 September 2016. Selama tempoh hampir 9 tahun tersebut, beliau telah banyak membantu Kerajaan Negeri Sarawak dalam usaha mempertingkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan awam negeri. Ini dibuktikan dalam penglibatan beliau sebagai

- I. Ketua panel Penilai Anugerah Khas Ketua Menteri Sarawak (AKKMS) untuk tahun 2012, 2013 dan 2015;
- II. Ketua Panel Penilai Anugerah Kualiti Perkhidmatan Negeri Sarawak (AKPANS) untuk tahun 2013 sehingga 2015;
- III. Panel Penilai Anugerah Kualiti Persekutuan Negeri Sarawak (AKSUPS) bagi tahun 2008, 2009 dan 2010;
- IV. Ahli Panel dan Ketua Panel Penilai ICC Negeri Sarawak dari tahun 2009 sehingga tahun 2014;
- V. Ketua Audit Dalam, ISO 9001:2008 MAMPU;
dan
- VI. Ketua Pasukan Ahli Penarafan Bintang Agensi Kerajaan untuk tahun 2010, 2012 dan 2013.

- 3.3** Semestinya penglibatan beliau sebagai ahli panel penilai telah sedikit sebanyak memberi kreditasi yang begitu tinggi dan signifikan sebagai pakar rujuk dan pakar runding kepada kerajaan negeri dalam usaha ke-arah meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan di pelbagai agensi di Sarawak.
- 3.4** Pada tahun 2016 sehingga 2019, beliau seterusnya mengorak langkah dalam kerjayanya apabila dilantik sebagai Ketua Pengarah (Transformasi dan Pemodenan Pengurusan) MAMPU, di Putrajaya.
- 3.5** Melihat kepada kredibiliti, pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh beliau, Datuk Shahabuddin telah diberi kepercayaan dengan pelantikannya sebagai **Setiausaha Persekutuan Sarawak, mulai Mei tahun 2019 sehingga hari ini, persaraan wajib beliau sebagai penjawat awam.**

3.6 Beliau senantiasa memastikan segala projek yang diamanahkan di bawah selian Pejabat Setiausaha Persekutuan telah dilaksanakan dengan cekap dan efisien serta memenuhi ekspektasi pelanggan dan rakyat. Sesungguhnya segala komitmen, usaha dan sumbangan yang beliau tunjukkan wajar dijadikan panduan dan contoh kepada penjawat awam di Sarawak. Izinkan saya menyenaraikan beberapa projek utama yang telah berjaya dilaksanakan oleh Pejabat Persekutuan Sarawak yang telah memberi impak yang sangat besar kepada negeri Sarawak. Projek-projek tersebut adalah;

I. Projek pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan Kuching telah diluluskan dalam Rolling Plan Ke-4 (RP4) Tahun 2020 Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11);

II. Projek Pembinaan Kuarters Gunasama Persekutuan Bintulu telah diluluskan di bawah Rolling Plan Pertama (RP1) Tahun 2021 Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12);

dan

III. Pembaikan Bangunan Gunasama Persekutuan (Kerja-kerja mengecat semula Bangunan Sultan Iskandar).

Saya mewakili kerajaan negeri Sarawak dan seluruh rakyat Sarawak ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan beliau dalam pelaksanaan projek-projek tersebut.

3.7 Saya amat berbangga kerana Datuk Shahabuddin telah berjaya menggalas amanah dan tanggungjawab ini dengan baik dan sempurna. Saya amat berharap juga agar beliau akan terus menyumbang ilmu pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang ada walaupun telah bersara kelak.

3.8 Saya juga telah difahamkan beliau juga bergiat aktif dalam pertubuhan seperti Ahli Majlis Teknologi dan Sumber Maklumat Negeri Sarawak (SITRC), Presiden Persatuan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Wilayah Sarawak, Naib Presiden MAKSAK Sarawak dan banyak lagi pertubuhan lain yang tidak dapat saya ungkapkan satu persatu. Sesungguhnya beliau tidak pernah jemu dan penat untuk senantiasa menyumbang kepakaran, pengetahuan dan pengalaman beliau untuk kebaikan sejagat.

3.9 Hadirin-hadirat sekalian, sesungguhnya adalah menjadi tanggungjawab kita semua sebagai penjawat awam untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diamahkan kepada kita dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan berkualiti.

3.10 Tugas dan tanggungjawab yang digalas ini sememangnya berat tetapi saya percaya andai kita saling berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan, maka saya yakin kita akan berjaya. Tidak ada yang mustahil untuk kita capai seandainya kita senantiasa mengamalkan Nilai Bersama PANS, iaitu Integriti, Baik Hati dan Prihatin, Professionalism, Sikap Bersegera dan Semangat Kepunyaan Bersama, Semangat Berpasukan dan yang akhir sekali Berorientasikan Hasil.

4.0 Sumbangan dan anugerah YBhg Datuk Mohd Shahbuddin bin Omar

4.1 Segala sumbangan dan khidmat bakti Datuk Shahabuddin selama perkhidmatan beliau sangatlah dibanggakan dan dirakamkan melalui penganugerahan yang telah dikurniakan kepada beliau seperti;

- I. Pingat Bintang Kenyalang (PBK) pada tahun 2011
- II. Anugerah IKON MAMPU bagi tahun 2012
- III. Pingat Perkhidmatan Cemerlang (EMAS) PPC pada tahun 2015
- IV. Darjah Kebersaran Johan Mamgku Negara pada tahun 2019
- V. Darjah Gemilang Bintang Kenyalang Sarawak- Panglima Gemilang Bintang Kenyalang pada tahun 2020

4.2 Sebagai seorang rakan seperjuangan yang telah bekerjasama rapat dengan saya, saya dapat mengambarkan Datuk Shahabuddin sebagai seseorang yang cekal hati, tabah, tekun dan memiliki aura positif dalam berhadapan dengan cabaran dan rintangan. Beliau juga seorang yang peramah dan merupakan pemimpin yang berkaliber. Sifat seperti inilah yang perlu disemai dan disematkan dalam diri masing-masing.

5.0 Penutup

- 5.1 Akhir bicara, saya mewakili pihak kerajaan negeri Sarawak, sekali lagi ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Shahbuddin atas segala jasa dan pengorbanannya selama berkhidmat di Sarawak.
- 5.2 Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau selama hampir **dua tahun** sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak, hubungan agensi persekutuan dan negeri sentiasa terjaga dan harmoni. Sumbangan dan kepimpinan Datuk Shahabudin akan terus terpahat dalam perkhidmatan awam Negeri Sarawak dan akan menjadi inspirasi kepada pegawai-pegawai muda.
- 5.3 Saya yakin Datuk Shahabuddin akan terus aktif menyumbangkan idea dan kepakaran yang dimilikinya dalam bidang pengurusan projek dan khasnya dalam pengurusan kualiti perkhidmatan walaupun sudah bersara.
- 5.4 Sebelum mengakhiri ucapan pada malam ini, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih saya kepada semua jemputan yang hadir – Timbalan-timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri di atas kesudian memeriahkan majlis pada malam yang penuh berbahagia ini.
- 5.5 Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Easter Sunday kepada semua yang meraikannya.
- 5.6 Kepada Datuk Shahabuddin, Selamat Bersara dan Selamat Maju Jaya. Saya doakan agar semua urusan dipermudahkan dan Datuk diberikan kesihatan baik yang berpanjangan.

- 5.7 Akhir kata, izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan dua kerat pantun:

Berangkat sampan ke Sematan,
Mencari ketam untuk hidangan,
Perpisahan ini bukan sempadan,
Ikatan terjalin usah diputuskan.

Kunjunglah Bumi Kenyalang bila lapang,
Singgah makan mi kolok dan laksa,
Budi tuan tidak terbilang,
Jasamu dikenang sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.

Jemputan Persekutuan

1. YBhg. Prof Dato' Aidi bin Ismail
Pesuruhjaya Polis DiRaja Malaysia, Sarawak
2. YBhg. Dato' Hasnul bin Mohamed
Pengarah, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak
3. YBhg. Prof Dato' Dr Jamil Haji Hamali
Rektor, Universiti Teknologi Mara Sarawak